

KUFURKAN NIKMAT TUHAN

K – Kebanyakan manusia waktu sesak

Kerana tadbir serbannya rosak

Keadaan papa semakin mendesak

Karam di darat tangis mengesak

P – Pikiran buntu serba tak kena

Patah kandar di tengah saujana

Pada masanya hidup merana

Pura-puralah taat kepada Rabbana.

W – Waktu demikian tidaklah lupa

Wirid doa panjang berdepa

Wahai, Ya Allah! Lepaskan papa

Wa'd pertolongan janganlah hampa.

R – Rabbul 'Ālamīn Tuhan yang Sedia

Rahmatkan kami berilah kaya

Ringgit rupiah menolong manusia

Rakan dan kaum tidak berdaya.

K – Kami taat menjunjung perintah-Mu

Kebajikan hidup tidakku jemu

Kepada fakir sekalian ku jamu

Keelokan kebajikan semua ku ramu.

N – Nazar permintaan Tuhan pun beri

Nasib yang mewah beranak isteri

Nafsu pun mula lupakan diri

Nampaknya harta indah berseri

N – Nafilah segala sembahyang puasa

Nanti bertangguh esok dan lusa

Nun! Bertahun empunya masa

Natijahnya luput Tuhan yang Esa.

'A – 'Aqiqah zakat rasanya sayang

azamnya bimbang harta melayang

'Uzur tak tidur malam dan siang

alamat puncanya mabuk kepayang.

M – Mengiringi pula membuat zina

Malanglah hidup bengkak menanah

Mabuk, berjudi kerja yang laknah

Membazirkan sekalian harta khazanah.

T – Tak usah fakir ziarah ke rumahnya

Terjumpa di jalan tidak dihiraunya

Takkanlah kaum rupa tingkahnya

Terkufur tak sedar nikmat Tuhannya.

T – Tatkala itu tidaklah sedar

Takbur bongkak besar keledar

Taqwa dan iman sudahlah pudar

Tatapan, pandangan sudah berpendar

U – Uang Banyak hidupnya mewah

Wajib, sunat tidak diperuah

Waswas syaitan di hati berselewah

Wara', soleh tak jadi buah

H – Hanyutlah janji kepada Tuhan

Harinya sempit dalam kesusahan

Harap mendapat segala kelebihan

Hendak berbuat segala suruhan.

N – Nikmat Tuhan setelah dikufurnya

Negeri pun luput hak miliknya

Naiklah berbagai cukai bianya

Nah! Tanggunglah qaḍā' Tuhannya.

–Pencinta Qalam.